



Labirin Doa ini bukanlah lorong berselirat atau pagar sesat. Ia tidak mempunyai jalan buntu, tiada titik persimpangan, tiada tembok tinggi, semak atau laluan salah. Labirin ini adalah alat rohani zaman kuno dengan satu laluan iaitu doa, renungan dan meditasi yang selok-belok ke tengah dan kembali semula ke jalan masuk yang merupakan jalan keluar. Kita tidak akan tersesat dalam Labirin Doa kerana ianya seperti kita sedang berjalan bersama Kristus.

Laluan berliku Labirin Doa mencerminkan kehidupan dan ziarah rohani kita yang melibatkan penemuan, peralihan, ketidakpastian, berhenti, perubahan arah serta pencapaian. Dari jalan masuk, kita akan bergerak dengan doa yang penuh kesungguhan ke arah tengah atau pusat labirin ini dimana kita akan berada di hadapan Tuhan. Dari pusat Labirin Doa ini, kita akan keluar dengan perasaan bersyukur melalui jalan yang sama dan kembali ke kehidupan seharian kita di hadapan-Nya. Perjalanan ini menandakan bahawa kehidupan kita adalah perjalanan yang berterusan untuk kembali ke Pusat Utama kita iaitu, Tuhan Tritunggal – ke dalam diri kita sendiri dan kembali semula ke dunia.

Berjalan di Labirin Doa membantu kita untuk menenangkan fikiran agar fokus di hadapan Tuhan serta menggerakkan jiwa kita secara menyeluruh di dalam Tuhan. Jika kita memberikan perhatian yang penuh, ia boleh menjadi satu anugerah yang membawa penyembuhan, pembaharuan dan perubahan kepada kita.



Labirin Doa yang pertama di STM telah siap pada 6 Mei 2017 iaitu, Hari Labirin Sedunia (1 Mei, Sabtu).

Labirin Doa yang baru telah siap pada 21 Disember 2020.

Semoga Tuhan menggunakan alat ini untuk memberkati semua yang datang ke sini untuk belajar, membuat kajian dan untuk retreat atau yang mengadakan kem. *Soli deo Gloria!*

